

D.R. 5/2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (2016) 2017.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2016

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga bilion lapan puluh satu juta empat ratus tiga belas ribu dua puluh enam ringgit (RM3,081,413,026) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan tambahan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2016 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 2016 [*Akta A1503*].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	62,780,000
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,248,437,560
B. 13	Kementerian Luar Negeri	24,126,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	215,709,466
B. 42	Kementerian Kesihatan	104,400,000
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	128,000,000
B. 63	Kementerian Pendidikan	297,960,000
	JUMLAH	<u>3,081,413,026</u>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak tiga bilion lapan puluh satu juta empat ratus tiga belas ribu dua puluh enam ringgit (RM3,081,413,026) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 2016.

[PN(U2)2206/VIII]